

BAB 2 PENTADBIRAN NEGERI-NEGERI SELAT

BAHAGIAN A: SOALAN OBJEKTIF

1. Pelabuhan yang paling awal dibuka di Pulau Pinang dan sering dikunjungi oleh pedagang Arab ialah (m/s 30)

- A Butterworth
- B Pangkalan Weld
- C Batu Uban
- D Dermaga Swettenham

2. Sewaktu pentadbiran siapakah menguasai ladang-ladang gambir yang diusahakan oleh orang Melayu dan Cina di Singapura? (m/s 31)

- A Sultan Abdul Rahman
- B Temenggung Abdul Rahman
- C Sultan Abu Bakar
- D Sultan Mahmud

3. Apakah bahan mentah yang dikumpulkan di pelabuhan Melaka semasa penjajahan Belanda? (m/s 31)

- A Bijih Timah
- B Emas
- C Perak
- D Hasil Hutan

4. Antara berikut, yang manakah bukan faktor perluasan kuasa British di Pulau Pinang? (m/s 32)

- A Pusat Pengumpulan Barang
- B Pelabuhan Persinggahan
- C Pangkalan Tentera
- D Berhampiran Bangkahulu

5. Mengapakah Singapura penting kepada British? (m/s 37)

- A Sebagai tanah jajahan sementara
- B Sebagai pelabuhan yang strategik
- C Kepentingan agama
- D Kepentingan politik

6. Siapakah pemimpin tempatan yang menandatangani perjanjian 2 Ogos 1824 dengan John Crawfurd? (m/s 39)

- I Sultan Hussein
- II Temenggung Abdul Rahman
- III Sultan Abdullah
- IV Sultan Ibrahim

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7. Antara berikut, yang manakah bukan faktor pakatan British-Belanda? (m/s 40)

- A. Menamatkan pertikaian British dan Belanda berkaitan Singapura.
- B. Dasar persahabatan British dan Belanda di Eropah
- C. Penyelesaian untuk pendamaian
- D. Dasar meluaskan agama

8. Kesan Perjanjian London 1824 terhadap Alam Melayu ialah (m/s 42)

- A. pembahagian Alam Melayu kepada Dua Lingkungan Pengaruh Barat
- B. pembahagian Alam Melayu kepada Tiga Lingkungan Pengaruh Barat
- C. Empayar Kesultanan Johor Riau disatukan
- D. Singapura menjadi tanah jajahan Belanda

9. Antara berikut, syarat manakah yang dipersetujui oleh British dalam Perjanjian London 1824? (m/s 43)

- A Tidak membuka petempatan baharu di Tanah Melayu
- B Menyerahkan Melaka dan jajahan takluknya kepada Belanda
- C Mengiktiraf petempatan Belanda di Singapura
- D Berundur dari Sumatera

10. Apakah status Selat Melaka selepas Perjanjian London 1824 ditandatangani? (m/s 45)

- A Bebas daripada pengaruh Barat
- B Dikuasai oleh pemimpin Melayu
- C Dikuasai sepenuhnya oleh British
- D Menjadi wilayah Belanda

11. Siapakah yang bertindak sebagai Pesuruhjaya Pulau Pinang yang bertanggungjawab terhadap Gabenor Jeneral British di India? (m/s 46)

- A Francis Light
- B John Crawfurd
- C Stamford Raffles
- D Andrew Clarke

12. Semasa pentadbiran Melaka (1824-1826), suku-suku kaum diletakkan di bawah seorang ketua kaum. Apakah peranan ketua kaum? (m/s 46)

- A Pentadbir daerah
- B Penasihat Residen Konsular
- C Penegak undang-undang
- D Wakil British

13. Bagaimanakah pentadbiran di Singapura sebelum pembentukan Negeri-negeri Selat? (m/s 46)

- A Diselia oleh Gabenor British di India
- B Andrew Clarke dilantik sebagai ketua pentadbir sementara
- C Ditadbir oleh Residen
- D Sistem Kapitan diadakan

14. Pembentukan Negeri-negeri Selat membolehkan British (m/s 47)

- I menguasai laluan perdagangan di antara India dan China
- II mengukuhkan hubungan ekonomi dengan negeri-negeri Melayu
- III menyaingi penguasaan Perancis di Alam Melayu
- IV melemahkan hubungan ekonomi dengan negeri-negeri Melayu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15. Antara petempatan berikut, manakah yang diletakkan di bawah pentadbiran Negeri-negeri Selat? (m/s 47)

- I Betawi
- II Bangkahulu
- III Dinding
- IV Labuan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16. Negeri-negeri Selat terbentuk hasil gabungan Pulau Pinang, Singapura dan Melaka. Mengapa penggabungan ini dilaksanakan? (m/s 47)

- I Mengelakkan ancaman dari Siam
- II Memudahkan penguasaan ekonomi
- III Menjimatkan perbelanjaan
- IV Menyeragamkan pentadbiran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17. Siapakah yang mendesak Pejabat Tanah Jajahan London supaya mengambil alih pentadbiran Negeri-negeri Selat? (m/s 49)

- A Pegawai British
- B Pedagang dan penduduk tempatan
- C Pemimpin Tempatan
- D Pedagang British

18. Pejabat India telah menjadikan Negeri-negeri Selat sebagai tempat buangan banduan. Apakah kesan tindakan tersebut? (m/s 49)

- A Mencetuskan pemberontakan
- B Menjejaskan status sebagai pusat perdagangan
- C Menjejaskan taraf pelabuhan bebas
- D Kes rompakan kapal dagang meningkat

19. Apakah peranan Majlis Eksekutif dalam struktur pentadbiran Negeri-negeri Selat? (m/s 49)

- A Mengurus hal pentadbiran
- B Menggubal undang-undang
- C Mengurus hal kesihatan
- D Mengurus jabatan pendidikan

20. Antara berikut, yang manakah tidak terdapat dalam struktur pentadbiran Negeri-negeri Selat pada 1 April 1867? (m/s 49)

- A Pejabat Tanah Jajahan London
- B Majlis Eksekutif
- C Majlis Perundangan
- D Residen Konsular